



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 8 TAHUN 2017**

**KADAR SEWAAN ASRAMA
(SELAIN YANG ADA DALAM STRUKTUR YURAN)
YANG DIGUNAPAKAI UNTUK PENYEWA LUAR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Bendahari
07 Ogos 2017

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 7 (8)

07 OGOS 2017

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 8/2017

KADAR SEWAAN ASRAMA (SELAIN YANG ADA DALAM STRUKTUR YURAN) YANG DIGUNAPAKAI UNTUK PENYEWAWA LUAR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkaitan Kadar Sewaan Asrama (Selain Yang Ada Dalam Struktur Yuran) Yang Digunakan Untuk Penyewa Luar.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 UTeM sebelum ini telah mempunyai kadar sewaan asrama selain dari yang ada dalam struktur yuran, yang digunakan untuk penyewa luar. Kadar ini telah mendapat kelulusan di peringkat Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil. 5/2007, Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 2/2007 dan Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2007. Bagaimanapun, kadar yang telah digunakan ini belum dipekelilingkan sebagai rujukan.
- 2.2 Kolej Kediaman UTeM ketika ini kerap menerima tempahan sewaan penginapan daripada pihak sekolah, Universiti Awam, Institusi Pengajian Tinggi yang lain serta agensi-agensinya kerajaan dan swasta.

- 2.3 Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEP) merasakan keperluan untuk kadar semasa yang digunapakai disemak semula. Asas utama dalam semakan semula kadar ini adalah perbandingan kadar dengan beberapa Universiti Awam yang lain. Dalam usaha kadar yang digunapakai ini dipekelilingkan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEP) mengambil kesempatan untuk mencadangkan kadar baru.
- 2.4 Kadar penyewaan asrama telah dibentang dan diperakukan dalam Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil. 6/2016 dan Mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Bil. 3/2016. Seterusnya diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 5/2016.

3.0 OBJEKTIF PENETAPAN KADAR BARU

- 3.1 Menambahbaik kadar sewaan sedia ada bersesuaian dengan keadaan semasa.
- 3.2 Menjana hasil universiti dengan hasil sewaan dari asrama yang kosong.
- 3.3 Membantu pihak-pihak tertentu yang memerlukan penginapan di Melaka terutama mereka yang terlibat dalam program di UTeM.

4.0 KADAR SEWAAN BARU YANG DIGUNAPAKAI

- 4.1 Kadar sewaan yang diluluskan adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	KADAR MINIMUM SEORANG/SEHARI (Termasuk GST) (RM)	HARGA TAWARAN SEORANG/SEHARI (Termasuk GST) (RM)
i.	Pelajar Sekolah	10.00	12.00
ii.	Pelajar IPTA	15.00	20.00
iii.	Selain bil. i dan ii	20.00	25.00

4.2 Kelulusan pengurangan harga:

4.2.1 Sekiranya ada permohonan pengurangan harga di bawah harga tawaran, kuasa melulus adalah di bawah Timbalan Naib Canselor HEP (HEP). TNC (HEP) boleh meluluskan pengurangan harga sehingga kadar minimum.

4.2.2 Manakala permohonan pengurangan di bawah harga minimum adalah di bawah kelulusan Naib Canselor.

5.0 KADAR SEWAAN BAGI PELAJAR UTeM

5.1 Bagi pelajar UTeM yang tinggal di Kolej Kediaman semasa cuti semester, kadar sewaan adalah sama dengan kadar yuran penginapan iaitu RM4.00/ sehari/seorang.

6.0 PENGURUSAN PENYEWAAN RUANG

6.1 Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEP) bertanggungjawab menguruskan permohonan tempahan penyewaan asrama daripada pelbagai pihak. Sekiranya terdapat permohonan asrama oleh pihak luar melalui lain-lain PTj, maka permohonan berkenaan perlulah dirujuk kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEP).

6.2 Sebarang pengurusan penyewaan ruang dan kemudahan termasuk peralatan adalah tertakluk kepada Pekeliling Bendahari Bil. 6/2014 iaitu Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Ruang Dan Kemudahan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Surat Pekeliling Kewangan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

6.3 Tuntutan dan pembayaran caj penyewaan:

6.3.1 Permohonan pengeluaran inoivis cukai/bil tuntutan dimohon oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEP) dan penyewa perlu

menjelaskan pembayaran penyewaan tidak lewat dari 30 hari dari tarikh Invois Cukai.

6.3.2 Bayaran kepada Universiti boleh dibuat dalam bentuk Cek/Draf Bank/ Kiriman Wang/Wang Pos dan dipalang atas nama BENDAHARI UTeM atau bayaran boleh dikreditkan terus ke akaun Universiti dan slip bayaran dikemukakan ke Pejabat Bendahari untuk pengesahan/bukti pembayaran.

6.3.3 Resit rasmi akan dikeluarkan sebagai bukti pembayaran.

7.0 PEMAKAIAN

7.1 Kadar penyewaan asrama (selain yang ada dalam struktur yuran) untuk penyewa luar adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh kelulusan kadar penyewaan ini sehingga ia dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



KHAIRUL BIN TAIB
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

AA/UPP/Pekeliling Penjanaaan